

**MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
BIL. 2 TAHUN 2023 BERTARIKH 21 JULAI 2023**

**MAKLUM BALAS DARIPADA PIHAK PEGAWAI
TERHADAP USUL-USUL PIHAK PEKERJA**

Bil.	PERKARA	KETERANGAN	MAKLUM BALAS
1.	Kursus Asas Kebakaran	<p>4.4.1 Mesyuarat mengambil maklum perkara-perkara berikut:</p> <p>(a) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya telah bersetuju untuk mengadakan ceramah/ kursus pada 9 Mei 2023;</p> <p>(b) Pasukan Keselamatan Kebakaran dan Bencana (PKKB) BHEUU akan melaksanakan perkongsian ilmu berkenaan asas keselamatan kebakaran melalui emel/siar raya secara berkala; dan</p> <p>(c) UKP BHEUU melalui emel bertarikh 10 Mac 2023 telah memaklumkan kepada Ketua Insiden dan Penolong Ketua Insiden PKKB BHEUU supaya mengingatkan semua Ketua Aras dan Penolong Ketua Aras mengenai peranan dan tugas yang perlu dilakukan dari semasa ke semasa sekiranya berlaku sebarang bencana atau kebakaran.</p> <p>4.4.2 Mesyuarat bersetuju supaya perkara di para 4.4.1 (a) dan (c) dilaksanakan seperti yang telah dijadualkan.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan: PKKB BHEUU</p>	<p>Kursus Asas Kebakaran dan Keselamatan kepada Warga Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang terdiri daripada pegawai BHEUU, JBG, Mdl dan BSSB telah diadakan pada 17 Julai 2023 (Isnin) bertempat di Dewan Saksama dan Laman Hijau Bangunan BHEUU.</p> <p>Hebahan telah dibuat bermula 10 Mac 2023 setiap hari Jumaat pagi selepas bacaan doa harian.</p> <p>Senarai tugas peranan dan tanggungjawab setiap Ahli PKKB telah dikemukakan kepada pegawai yang dilantik bersama-sama surat pelantikan.</p> <p>Sesi Taklimat kepada semua ahli PKKB yang dilantik dijangka akan dilaksanakan pada hujung Bulan Julai 2023 bersama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya.</p>

Bil.	PERKARA	KETERANGAN	MAKLUM BALAS
2.	Tawaran kenaikan pangkat Penolong Pegawai Undang-Undang tidak mengikut kekananan (seniority).	5.1.2 Mesyuarat bersetuju supaya Taklimat Kenaikan Pangkat Penolong Pegawai Undang-Undang secara TimeBased Berasaskan Kecemerlangan (TBK) direkodkan dan diedarkan kepada para peserta untuk memberi	Sesi Taklimat Kenaikan Pangkat Secara TimeBased Berasaskan Kecemerlangan (TBK) Skim Penolong Pegawai Undang-Undang telah diadakan pada 12 April 2023 (Rabu) secara dalam talian. Sesi Taklimat tersebut telah direkodkan dan diedarkan melalui e-mel kepada semua peserta pada 12 April 2023.
3.	Kakitangan/ Pekerja Bertugas Di Kaunter	5.2.2 Mesyuarat mengambil maklum bahawa permohonan pelantikan Personel MySTEP dari cawangan yang berkaitan telah diterima oleh Ibu Pejabat dan akan dipertimbangkan. Tindakan: Mdl	Memo kelulusan bagi pengambilan tambahan MySTEP bagi tugas-tugas seperti receptionist telah diterima pada 29.03.2023 melalui Mesyuarat JPAA Bil 1 Tahun 2023 pada 15 Mac 2023. Pengambilan MySTEP tersebut bagi cawangan telah dilaksanakan bermula Mei 2023 hingga Julai 2023.
4.	Kehadiran Bagi Pegawai Atau Kakitangan Menggunakan 'Face Recognition'	5.4.4 Mesyuarat mengambil maklum bahawa: (a) Cadangan menaik taraf sistem kehadiran sedia ada kepada penggunaan 'Face Recognition' dibuat mengikut peredaran masa ke arah sistem yang lebih canggih. Pegawai/kakitangan tidak perlu lagi bergantung kepada pas jabatan. Ini bagi mengelak berlaku keciciran, kehilangan atau kerosakan pada kad; (b) BHEUU memaklumkan pihak pengurusan sedang dalam proses menambahbaik sistem kehadiran MyAttendance. Sistem baharu akan menggunakan mesin pengimbas khusus untuk merekodkan kehadiran dan tidak lagi bergantung kepada mesin pengimbas di pintu masuk setiap aras; dan	Sebut harga telah diiklankan pada 17 Mei 2023 dan tutup pada 29 Mei 2023. Taklimat dan lawatan tapak telah diadakan pada 22 Mei 2023. Proses penilaian teknikal dan penilaian kewangan telah selesai dan menunggu mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) BHEUU.

Bil.	PERKARA	KETERANGAN	MAKLUM BALAS
		<p>(c) BHEUU tiada perancangan untuk menggunakan 'Face Recognition' kerana peruntukan kewangan yang terhad.</p> <p>5.4.5 Mesyuarat bersetuju dengan cadangan BHEUU berdasarkan peruntukan kewangan yang terhad.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan: BHEUU</p>	
5.	Penggunaan Sistem Penetapan Temujanji Dengan Jabatan Insolvency Malaysia.	<p>5.5.1 Mesyuarat mengambil maklum perkara-perkara berikut:</p> <p>(a) Kesukaran para pelanggan, kakitangan dan pegawai untuk menguruskan dan mematuhi temujanji; dan</p> <p>(b) Pihak Pekerja mencadangkan penggunaan sistem pengurusan temujanji menggunakan platform tersedia di atas talian seperti https://www.picktime.com/.</p> <p>5.5.2 Mesyuarat mengambil maklum bahawa JBG sedang dalam tempoh pengujian sistem temujanji yang disebutkan. Mesyuarat bersetuju sistem ini akan dikongsikan bersama Mdl jika berfungsi dengan baik.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan: JBG/Mdl</p>	<p><u>Mdl</u></p> <p>Emel rasmi bertarikh 04.07.2023 telah diemel bagi memohon pembentangan sistem temu janji kepada pihak SPM BHEUU. Pembentangan ini bagi memberi penerangan serta mendapatkan maklum balas ibu pejabat dan cawangan Mdl terhadap keperluan penggunaan sistem temu janji di dalam operasi harian Mdl sebelum ianya dilaksanakan kelak. Pada masa kini, Mdl masih menggunakan panggilan telefon dan emel bagi penetapan temu janji.</p> <p><u>JBG</u></p> <p>Sistem myJanjiTemu JBG adalah dibangunkan oleh pihak Seksyen Pengurusan Maklumat (SPM) BHEUU. Pihak Mdl dicadangkan untuk berhubung dengan SPM BHEUU bagi membincangkan lebih lanjut keperluan sistem dan customization sistem yang perlu dibuat untuk kegunaan Mdl.</p> <p><u>BHEUU (SPM)</u></p> <p>Perbincangan awal bersama IT Mdl telah diadakan pada 11 Julai 2023. Secara prinsipnya, Mdl berminat untuk</p>

Bil.	PERKARA	KETERANGAN	MAKLUM BALAS
			<p>menggunakan sistem Myjanjitemu tersebut. Perbincangan untuk pengubahsuaian sistem akan diadakan pada awal bulan Ogos 2023 memandangkan Mdl sedang memberi tumpuan kepada persediaan hari penamaan calon PRN 15.</p>
6.	Etika Berpakaian Bagi Warga Kerja Di Bangunan BHEUU	<p>5.6.2 Mesyuarat bersetuju supaya Ketua Jabatan mengeluarkan peringatan secara berkala kepada kakitangan masing-masing dan Unit Integriti boleh melaksanakan pemantauan serta pemeriksaan mengejut sebagai langkah kesedaran.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan: BHEUU/JBG/Mdl</p>	<p><u>Mdl</u></p> <p>Mdl melalui Unit Integriti sentiasa memberi perhatian terhadap etika pemakaian di pejabat. Emel rasmi dikeluarkan pada 25.01.2023 seterusnya emel peringatan juga dikeluarkan pada 09.06.2023 di samping pemantauan secara berterusan oleh setiap Bahagian. Selain itu, banner/poster etika berpakaian juga diletakkan di setiap Bahagian bagi tujuan penerapan berterusan.</p> <p><u>BHEUU</u></p> <p>Bagi memastikan pematuhan etika berpakaian penjawat awam oleh warga kerja BHEUU, Unit Integriti mengambil tindakan seperti berikut:</p> <p>(a) Mesej Integriti – Edaran Mesej Integriti Bil.6/2023 bertajuk: “Etika Berpakaian Penjawat Awam” kepada semua warga BHEUU pada 17 Julai 2023; dan</p> <p>(b) Peringatan dan perkongsian dalam Pengumuman Siaraya BHEUU mengenai Kod Etika Pemakaian iaitu pada hari Khamis 20 Julai 2023.</p>

Bil.	PERKARA	KETERANGAN	MAKLUM BALAS
			<p><u>JBG</u></p> <p>Unit Integriti telah memanjangkan emel kepada warga JBG mengenai Tatacara Pemakaian Penjawat Awam pada 9 Mac 2023. Pemantauan dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan teguran/surat tunjuk sebab (STS) dikeluarkan kepada pegawai yang menyalahi tatacara tersebut.</p>
7.	Menu Rahmah Dijual Di Bangunan BHEUU Pada Setiap Hari Bekerja	<p>5.7.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Terdapat aduan makanan yang dijual di lobi mahal; (b) Pihak Pekerja mencadangkan supaya makanan menu rahmah (harga berpatutan) dijual di lobi/kiosk BHEUU; (c) BHEUU memaklumkan bahawa jualan di lobi adalah anjuran PUSPANITA BHEUU. Jualan disertai oleh peniaga kecil dan harga yang ditawarkan adalah munasabah dengan mengambil kira kos dan kuantiti jualan kecil-kecilan; dan (d) BHEUU juga dalam proses membuka semula kafeteria yang dijangka beroperasi pada bulan April 2023. Cadangan menu rahmah akan dibincangkan bersama operator yang dilantik. <p>5.7.2 Mesyuarat bersetuju supaya jualan menu rahmah dibuat melalui operasi kafeteria BHEUU.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan: BHEUU</p>	<p><u>BHEUU</u></p> <p>Pengusaha Kafeteria BHEUU bersetuju mempertimbangkan dua (2) menu rahmah untuk jualan dalam masa terdekat. Setakat ini harga jualan makanan adalah berpatutan.</p> <p><u>PUSPANITA</u></p> <p>Pihak PUSPANITA mengambil maklum berkaitan aduan harga makanan (jualan meja) bagi menu sarapan pagi dan tengahari yang beroperasi di hadapan kiosk PUSPANITA.</p> <p>Walau bagaimanapun, jualan tersebut tidak lagi beroperasi sejak pembukaan kafeteria BHEUU pada bulan Jun 2023 yang lalu.</p>